TEE LEE YANG lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MAT GHANI ABDULLAH PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: MT (2) JA-43-16-08-2017]
22 NOVEMBER 2017

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret – Pertuduhan memasukkan dadah berbahaya dalam diri sendiri – Pengakuan bersalah – Hukuman denda dan pengawasan – Kecacatan dalam prosiding dan perintah pengawasan – Sama ada perintah pengawasan sah dan boleh dikuatkuasakan – Sama ada sabitan dan hukuman selamat – Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 15(1)(a) & 38B – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 173 & 323*

Pemohon telah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan memasukkan dadah berbahaya di dalam diri sendiri, satu kesalahan bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pemohon dijatuhkan hukuman denda RM1,000 bagi setiap pertuduhan dan diperintahkan menjalani pengawasan selama dua tahun bawah s. 38B ADB. Dalam permohonan ini, pemohon memohon satu semakan, bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), terhadap keputusan Mahkamah Majistret, atas alasan (i) pihak pendakwaan hanya membacakan fakta secara lisan kepada mahkamah tanpa membacakan fakta kes kepada pemohon; (ii) Majistret tidak pernah menerangkan kepada pemohon bahawa, selain hukuman bawah s. 15(1)(a) ADB, pemohon turut dikehendaki menjalani perintah pengawasan dan syarat-syaratnya; (iii) terdapat kecacatan dalam perintah pengawasan dari segi (a) syarat tambahan yang dikenakan; dan (b) tarikh permulaan dan tarikh akhir pengawasan; (iv) nombor kad pengenalan pemohon yang tertera dalam perintah pengawasan, kertas pertuduhan dan laporan polis adalah salah.

Diputuskan (mengetepikan sabitan, hukuman dan perintah pengawasan):

(1) Nota keterangan asal Majistret tidak menunjukkan fakta kes telah dibacakan kepada tertuduh. Tanpa bacaan fakta kes kepada tertuduh, tiada elemen kesalahan diterangkan kepada tertuduh. Oleh itu, pengakuan salah oleh pemohon tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan kehendak s. 173(b) KTJ. Majistret seharusnya menolak pengakuan salah tersebut. (perenggan 25 & 26)

(2) Perintah pengawasan adalah mandatori. Majistret mempunyai tugas memberitahu tertuduh, semasa pengakuannya direkodkan, walaupun sekali, bahawa setelah disabitkan dan dijatuhkan hukuman, tertuduh juga terpaksa menjalani pengawasan dengan seorang pegawai pemulihan,

A atau siapa-siapa pegawai polis, tidak melebihi jangka masa tiga tahun selepas sahaja dia menjalani hukuman. Pemohon hendaklah diberitahu sifat dan akibat kegagalan mematuhi perintah tersebut. Ini tidak dilakukan semasa prosiding. (perenggan 30)

B **(3)** Majistret mengeluarkan perintah pengawasan melalui Borang 3 bertarikh 12 Oktober 2017 dengan catitan 'hendaklah melapor diri di Balai Polis Bukit Indah dan AADK Johor Bahru satu bulan sekali'. Hakikatnya, s. 38B(1) Akta hanya memberi kuasa kepada Majistret mengeluarkan perintah tersebut agar melaporkan diri kepada pegawai AADK atau balai polis dan bukan kedua-duanya. Perintah pengawasan salah dan C cacat dari segi undang-undang kerana terdapat kekaburan yang nyata dan tidak mematuhi kehendak Borang 3. Dengan syarat tambahan melapor diri di tempat lain iaitu Balai Polis Bukit Indah, pemohon akan terprejudis. (perenggan 31 & 36)

D **(4)** Perintah pengawasan hendaklah mengandungi tarikh bermula dan tarikh berakhir pengawasan tetapi tarikh-tarikh ini langsung tidak dinyatakan dalam perintah pengawasan tersebut. Perintah pengawasan tersebut cacat kerana (i) syarat-syarat yang terkandung dalamnya mempunyai kesan tahanan terhadap seseorang pesalah yang, secara langsung, mengehadkan kebebasannya; (ii) tidak mengandungi tarikh-tarikh untuk jangka masa E dua tahun akan menyebabkan kesusahan praktikal terhadap pegawai yang melaksanakan perintah tersebut dan untuk tertuduh menurutinya; dan (iii) perintah pengawasan sedemikian terbuka untuk dipersoalkan dan dicabar dengan beberapa tafsiran. Sekiranya satu-satu perintah itu menyekat kebebasan seseorang, perintah tersebut cacat, tidak sah dan F tidak berkuat kuasa. (perenggan 37, 38 & 40)

(5) Nombor kad pengenalan pemohon ialah 770912-01-6779 dan bukan 770912-01-6776, seperti yang yang dinyatakan dalam perintah pengawasan, kertas pertuduhan dan laporan polis. Kesilapan ini parah kerana menimbulkan keraguan dan tidak boleh dikuatkuasakan. G (perenggan 46 & 47)

(6) Sabitan terhadap tertuduh dibatalkan. Hukuman yang dijatuhkan oleh Majistret diketepikan dan denda yang dibayar dikembalikan kepada pemohon. Perintah pengawasan juga diketepikan dan dibatalkan. Terdapat beberapa perkara yang tidak memuaskan, terutamanya H kecacatan terhadap prosiding dan perintah pengawasan yang tidak menurut kehendak undang-undang. Perintah perbicaraan semula tidak adil buat pemohon dan tidak diperintahkan. (perenggan 48)

I

Kes-kes yang dirujuk:

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Mohammad Hassan v. PP [1997] 1 CLJ Supp 485 HC ***(dirujuk)***
Mohd Sufiyan Ali v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Kementerian Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2001] 1 LNS 260 HC ***(dirujuk)***
Muhammad Atam Abdul Wahab v. Minister of Home Affairs & Anor [2000] 8 CLJ 402 HC ***(dirujuk)***
Nadeson v. PP [1965] 1 LNS 123 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(dirujuk)***
Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***
Seah Ah Chiew v. PP [2006] 8 CLJ 585 HC ***(diikuti)***
Thinesh Velayuthan lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain [2013] 1 LNS 1371 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature 1964, ss. 31, 35
Criminal Procedure Code, ss. 173(a), (b), 323, 324, 325, 326, 327, 422
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 15(1)(a), 38B(1)
Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001, Schedule Form 3
Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, s. 6(1)(b)

Bagi pihak pemohon - Mak Kah Keong & Chuah Shyuen Chien; T/n KK Mak & Co
Bagi pihak responden - Noorfazlin Hamdan; TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mat Ghani Abdullah PK:

[1] Melalui sepucuk surat bertarikh 14 Ogos 2017 dari Tetuan K.K. Mak & Co yang mewakili pemohon di dalam kes ini, telah menulis kepada mahkamah ini supaya diadakan satu semakan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) terhadap satu keputusan yang diputuskan oleh Majistret terhadap anak guamnya yang dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Tujuan permohonan ini adalah untuk memohon supaya mahkamah ini menggunakan kuasa budi bicara di bawah s. 323 KTJ untuk memanggil dan memeriksa rekod perbicaraan kes ini bagi menentukan kebetulan dan kebenaran tentang sabitan dan hukuman serta perintah pengawasan yang diberikan oleh Tuan Majistret.

[2] Atas permohonan oleh pemohon tersebut kepada mahkamah ini, segala rekod prosiding asal berkaitan pertuduhan terhadap pemohon telah dikemukakan oleh Mahkamah Majistret 1 Johor Bahru.

Pertuduhan

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 14/01/2017 jam lebih kurang 05.10 pagi di Pejabat Narkotik IPK, Johor di dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memasukkan dadah berbahaya kepada diri sendiri iaitu jenis Amphetamine ke dalam badan kamu, oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 14/01/2017 jam lebih kurang 05.10 pagi di Pejabat Narkotik IPK, Johor di dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memasukkan dadah berbahaya kepada diri sendiri iaitu jenis Methamphetamine ke dalam badan kamu, oleh yang demikian itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama.

Hukuman Yang Diperuntukkan

[3] Hukuman bagi kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta tersebut ialah diperuntukkan di bawah seksyen yang sama iaitu "denda tidak lebih daripada RM5,000 atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun".

[4] Selanjutnya s. 38B(1) Akta Dadah Berbahaya memperuntukkan seseorang yang didapati bersalah di bawah s. 15 Akta tersebut hendaklah juga dikenakan perintah pengawasan wajib oleh pegawai dengan melaporkan diri di balai polis atau Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) tidak kurang dua tahun dan tidak lebih tiga tahun:

Section 38B. Powers of the Court in respect of persons found guilty under section 15.

(1) Where a person is found guilty of an offence under section 15, he shall, immediately after having undergone the punishment imposed upon him in respect thereof, undergo supervision by an officer as defined under section 2 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 for a period of not less than two and not more than three years as may be determined by the court.

[5] Perintah pengawasan di bawah s. 38B Akta Dadah Berbahaya 1952 pula dinyatakan dalam bentuk format perundangan (statutory format) sebagaimana Borang 3 Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001 seperti berikut:

BORANG 3

AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

(Section 38B)

PERINTAH MENJALANI PENGAWASAN BAGI SESEORANG YANG DIDAPATI BERSALAH ATAS SUATU KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 15 AKTA

BAHAWASANYA .....
No. Kad Pengenalan..... Umur: .....
Beralamat: .....
(kemudian daripada ini yang disebut "orang tersebut") telah pada ..... disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen 15 Akta oleh Mahkamah Majistret di .....

Maka menurut subseksyen 38B(1) Akta, orang tersebut, setelah menjalani hukuman yang dikenakan ke atasnya oleh Mahkamah, hendaklah diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai selama tempoh ..... tahun mulai ..... (tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun) mengikut syarat-syarat di bawah subseksyen 6(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 seperti berikut:

(a) orang tersebut mestilah tinggal di kawasan .....

(b) orang tersebut tidak boleh meninggalkan kawasan tempat dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah;

(c) orang tersebut hendaklah melaporkan diri di balai polis ..... (sebagaimana ditetapkan oleh Majistret), atau bagi anggota Angkatan Tentera di ..... (sebagaimana yang ditetapkan oleh pegawai itu), tidak lewat dari 72 jam selepas beliau dikeluarkan dari Pusat Pemulihan dan pada ..... haribulan setiap bulan kalendar antara jam 6 pagi dan 6 petang;

(d) orang tersebut tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya;

(e) orang tersebut hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintahkan oleh pegawai itu; dan

(f) orang tersebut hendaklah menjalani apa-apa jua program bagi pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh Kerajaan.

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah .....

Bertarikh ..... haribulan .....20.....

Alasan Permohonan

[6] Secara ringkasnya apa yang diutarakan oleh peguam di dalam surat tersebut dan hujahannya untuk diputuskan di dalam semakan ini ialah seperti berikut:

(i) sama ada penyabitan pemohon tanpa membacakan fakta kes adalah sah dan benar sepertimana di bawah s. 173 Kanun Tatacara Jenayah (Procedure in summary trials);

(ii) sama ada kegagalan Tuan Majistret dalam menerangkan syarat-syarat dan terma-terma dalam perintah pengawasan bertarikh 12 Mac 2017 ketika pengakuan salah pemohon direkodkan menjadikan pengakuan salah pemohon bersyarat;

(iii) sama ada perintah pengawasan bertarikh 12 Mac 2017 yang gagal menyatakan tarikh permulaan dan tarikh akhir pengawasan seperti dalam Borang 3 Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001 telah menjadikan perintah pengawasan tersebut cacat dan tidak boleh dikuatkuasakan;

(iv) sama ada perintah pengawasan bertarikh 12 Mac 2017 mengenakan syarat tambahan iaitu melapor diri ke Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Johor Bahru yang tidak ada dalam Borang 3 Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001 telah menjadikan perintah pengawasan tersebut cacat dan tidak boleh dikuatkuasakan; dan

(v) sama ada perintah pengawasan bertarikh 12 Mac 2017 yang gagal mencatitkan nombor kad pengenalan pemohon secara tepat adalah cacat dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Latar Belakang Permohonan

[7] Pada 12 Mac 2017, pemohon telah hadir di hadapan Tuan Majistret, Mahkamah Majistret 1 Johor Bahru, Johor untuk dihadapkan dengan dua pertuduhan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana dikatakan telah memasukkan dadah berbahaya kepada diri sendiri. Pada hari yang sama, pemohon telah mengaku salah di bawah kedua-dua pertuduhan dan telah dijatuhkan hukuman denda RM1,000 untuk setiap pertuduhan dan juga diperintahkan untuk menjalani pengawasan selama dua tahun di bawah s. 38B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Hujahan Peguam bela Pemohon

[8] Berdasarkan surat peguam tersebut dan hujahan kes tersebut, pemohon memaklumkan bahawa ketika pengakuan direkodkan, Timbalan Pendakwa Raya yang menjalankan pendakwaan hanya sekadar menyatakan "fakta secara lisan" kepada mahkamah tanpa membacakan fakta kes kepada pemohon. Fakta kes tersebut juga tidak pernah diakui oleh pemohon pada

bila-bila masa. Peguam menegaskan bahawa fakta kes ini adalah penting dibacakan kepada pemohon supaya mahkamah dapat memastikan pemohon betul-betul faham sifat dan akibat pengakuan bersalahnya. Tanpa fakta kes dibacakan kepada pemohon, mahkamah tidak dapat memastikan sama ada pemohon betul-betul faham sifat dan akibatnya dan menyebabkan pengakuan salah pemohon tidak selamat diterima. Merekodkan pengakuan salah pemohon tanpa membacakan fakta kes kepada pemohon untuk memastikan pemohon faham sifat dan akibat pengakuan adalah jelas bertentangan dengan prosedur wajib di bawah s. 173(b) KTJ.

[9] Pemohon juga memaklumkan bahawa ketika pertuduhan dibacakan kepadanya, jurubahasa mahkamah hanya menerangkan tentang hukuman di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu boleh dikenakan hukuman denda boleh sampai RM5,000 ataupun penjara boleh sampai dua tahun.

[10] Peguam mengatakan berdasarkan nota prosiding dalam kes tersebut menunjukkan bahawa Tuan Majistret tidak pernah menerangkan kepada pemohon bahawa selain daripada hukuman di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, pemohon turut dikehendaki menjalani perintah pengawasan dan syarat-syaratnya. Ini kerana dengan melihat kepada bahagian hukuman di dalam kertas pertuduhan terhadap pemohon, juga tidak dicatitkan terdapat perintah pengawasan tidak kurang dua tahun dan tidak lebih tiga tahun. Justeru itu, ketika pemohon mengaku salah, pemohon langsung tidak tahu bahawa akan terdapat perintah pengawasan dan apakah syarat-syarat yang akan dikenakan terhadapnya. Maka, pengakuan salah pemohon ini adalah bersyarat.

[11] Peguam bela menegaskan bahawa s. 173(a) KTJ dan kes *Mohammad Hassan v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 485; [1998] 5 MLJ 65 jelas menyatakan bahawa mahkamah perlu membacakan dan menerangkan pertuduhan kepada OKT. Setelah pertuduhan dibacakan, mahkamah perlu menanyakan sama ada OKT ingin mengaku salah atau minta bicara. Tetapi di dalam kes sekarang ini memang tercatit pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan kepada pemohon, akan tetapi, sebelum sesuatu pengakuan boleh diterima, mahkamah hendaklah memastikan bahawa OKT faham sifat dan akibat daripada pengakuannya dan berhasrat untuk mengaku salah tanpa syarat. Ini adalah prosedur yang wajib dilakukan oleh mahkamah sebelum rekod pengakuan salah seseorang OKT boleh diterima. Mahkamah boleh memastikan OKT faham sifat dan akibat daripada pengakuan dan berhasrat untuk mengaku salah melalui fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Langkah-langkah ini adalah langkah yang wajib dilakukan oleh mahkamah sebelum merekodkan pengakuan seseorang OKT.

[12] Pemohon memohon oleh kerana sabitan ke atas pemohon adalah berdasarkan kepada pengakuan bersyarat, maka sabitan ini hendaklah diketepikan.

[13] Peguam bela pemohon menegaskan, perintah pengawasan yang dikenakan terhadap pemohon tersebut akan menjejaskan kebebasan seseorang individu. Sebelum perintah pengawasan dikeluarkan, seseorang Majistret itu perlu mempertimbangkan secara berhati-hati dan memastikan butir-butir di dalam perintah adalah mengikut undang-undang dan tepat. Peguam berhujah sekiranya sesuatu perintah yang melibatkan kebebasan seseorang individu telah dibuat tidak mematuhi prosedur atau format perundangan yang ditetapkan, maka perintah tersebut adalah cacat, tidak sah dan tidak berkuat kuasa. Peguam merujuk dalam kes *Seah Ah Chiew v. PP* [2006] 8 CLJ 585; [2007] 1 MLJ 377 bagi menyokong penegasan ini.

[14] Peguam juga mendakwa selain daripada kecacatan dari segi tarikh permulaan dan tarikh akhir serta syarat tambahan dikenakan di dalam perintah pengawasan, nombor kad pengenalan pemohon di dalam perintah pengawasan tersebut serta dalam kertas pertuduhan dan laporan polis turut salah. Nombor kad pengenalan pemohon adalah "770912-01-6779" dan bukannya "770912-01-6776" sebagaimana dinyatakan dalam perintah pengawasan tersebut, kertas pertuduhan serta laporan polis. Maka perintah pengawasan ini adalah salah di sisi undang-undang, menimbulkan keraguan dan tidak boleh dikuatkuasakan. Ini telah jelas diputuskan di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra)*.

Hujahan Responden

[15] Puan Noorfazlin binti Hamdan, Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili pihak responden di dalam hujahannya mengatakan dengan merujuk kepada pertuduhan lampiran A jelas terdapat penjelasan untuk kedua-dua pertuduhan iaitu pertuduhan pertama dan kedua, iaitu pada bahagian hukuman selain dinyatakan denda atau dikenakan penjara, terdapat dinyatakan juga perintah pengawasan polis wajib melaporkan diri di balai polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan tidak kurang dua tahun dan tidak lebih tiga tahun.

[16] Timbalan Pendakwa Raya menegaskan berdasarkan daripada nota prosiding ini menunjukkan hukuman juga dibaca dan diterangkan kepada tertuduh, tertuduh faham di dalam Bahasa Malaysia dan OKT masih mengaku salah dan faham sifat dan akibat pengakuannya. Ini menunjukkan sewaktu pertuduhan dibacakan hukuman yang bakal tertuduh hadapi juga termasuk supervision order telah dijelaskan dan dia tahu tentang perkara itu tambahan pula tertuduh diwakili oleh peguam iaitu Cik Arwa mengikut rekod. Oleh itu, Timbalan Pendakwa Raya berhujah hendaklah dibezakan

kes *Seah Ah Chiew* yang dikemukakan oleh pihak pemohon di mana dalam kes itu mahkamah mendapati tidak ada langsung peguam yang mewakili pemohon di dalam kes itu.

[17] Selanjutnya, Timbalan Pendakwa Raya juga menghujahkan bahawa fakta kes telah dibaca secara lisan kepada OKT, ini kerana di dalam nota prosiding fakta kes telah ditandakan sebagai lampiran A. Ini kerana pada lampiran A terdapat fakta kes di belakang pertuduhan tersebut yang mana telah ditandatangani oleh TPR berkenaan iaitu Tuan Muhammad bin Mohd Nasir yang mengendalikan kes tersebut. Oleh itu, menunjukkan fakta kes memang ada dan telah dibacakan secara lisan kepada pemohon. Maka Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa dakwaan peguam mengatakan fakta kes tidak ditender adalah khilaf sama sekali dan tidak benar.

[18] Berkenaan isu kegagalan untuk menjelaskan s. 38B Akta, responden berhujah di dalam hukuman tersebut telah dinyatakan apa implikasi selepas tertuduh mengaku salah iaitu selain dihukum denda atau penjara, dia juga akan menghadapi perintah pengawasan iaitu tidak kurang dua tahun dan tidak lebih tiga tahun.

[19] Berkenaan isu perintah sama ada defektif kerana kesilapan nombor akhir kad pengenalan pemohon dan sama ada telah menimbulkan miscarriage of justice, responden berhujah sekiranyapun berlaku kecacatan, mahkamah hendaklah menilai sesuatu kes tersebut berdasarkan keadaan dan fakta kes itu sendiri (case per case basis). Ini kerana dua kes yang dikemukakan oleh peguam adalah daripada peringkat Mahkamah Tinggi yang mana mahkamah ini tidak terikat terhadap keputusan sedemikian berbanding di dalam kes yang dikemukakan oleh pihak responden yang merujuk kesemuanya daripada Mahkamah Rayuan. Responden menegaskan di dalam kes *Thinesh Velayuthan lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain* [2013] 1 LNS 1371 dan *Mohd Sufiyan Ali v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Kementerian Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2001] 1 LNS 260 yang kedua-duanya melibatkan kesilapan menaip (typo error) kepada borang perintah, dan Mahkamah Rayuan putuskan memang is a mere typing error kerana apa yang penting identiti tersebut, objek tersebut dan dalam kes ini hanya pemohon sahaja yang telah dituduh dan hanya dia sahaja yang telah dijatuhkan hukuman untuk kes ini. Oleh itu, tidak ada sebarang kesamaran berkenaan identiti walaupun wujud kesilapan pada digit no. kad pengenalan pemohon di dalam perintah tersebut.

[20] Selain itu, responden juga menegaskan bahawa identiti pemohon juga tidak pernah dipertikaikan sepanjang bicara dan sebagai buktinya sepanjang prosiding didapati untuk semua dokumen yang dikemukakan bermula daripada pertuduhan telah pun wujud typo error pada no. kad pengenalan pemohon ataupun tertuduh pada masa itu dan ini tidak pernah dipertikaikan.

Begitu juga pada fakta kes tidak ada dipertikaikan langsung atau dibantah oleh pihak tertuduh pada masa itu dan juga pada perintah pada masa itu memang tidak ada dipertikaikan. Malah pada resit rasmi, untuk pembayaran denda juga no. kad pengenalan 6676 akan tetapi tertuduh masih lagi boleh membayar denda tersebut. Maka adalah tidak wajar sekiranya identiti tersebut dipertikaikan pada peringkat ini sedangkan pada hakikatnya keadaan ini menunjukkan identiti pemohon langsung tiada kesamaran dalam kes ini dan ia semata-mata kesilapan menaip.

[21] Berkenaan dengan kecacatan lain yang wujud pada Borang 3 tersebut, responden berhujah kes sekarang ini hendaklah dibezakan dengan kes *Seah Ah Chiew* yang dikemukakan oleh peguam bela. Ini kerana di dalam kes tersebut terdapat banyak kekhilafan atau kesilapan pada borang tersebut kerana Majistret bukan sahaja terkhilaf menggunakan borang lain tetapi berlaku kekhilafan pada peringkat tersebut yang mana dalam kes itu Puan Majistret mengguna pakai Borang 4 sedangkan dalam kes itu sepatutnya menggunakan Borang 3. Akan tetapi di dalam kes sekarang amat jauh berbeza kerana Majistret telah menggunakan borang yang betul cuma ketinggalan pada beberapa perkara sahaja.

[22] Responden juga mengatakan di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra)* juga Majistret telah khilaf menjatuhkan dua hukuman iaitu pertamanya, penjara tiga hari dan keduanya denda juga dikenakan sedangkan s. 15(1)(a) hanya memperuntukkan salah satu hukuman dan ini menunjukkan bahawa pada masa tersebut memang amat wajarlah Hakim Mahkamah Tinggi membatalkan sabitan kerana terdapat banyak sangat kekhilafan. Akan tetapi, di dalam kes ini responden menghujahkan kekhilafan tersebut amatlah sedikit dengan merujuk kepada case law *Mohd Sufiyan Ali*, typo error pada borang tidak membawa kepada kekeliruan dan menjejaskan kedudukan pemohon dan tidak ada membawa ketidakadilan kepada pemohon. *Maxim Latin de minimis non curat lex* harus diguna pakai.

[23] Selanjutnya responden berhujah bahawa sekiranya wujud sebarang kekhilafan ataupun ketidakpatuhan oleh Majistret pada borang tersebut ia masih lagi boleh dipulihkan di bawah s. 422 KTJ, memandangkan tidak ada kegagalan dari sudut keadilan. Lagipun responden mengatakan di dalam kes ini pemohon hanya dihukum denda sahaja dan tidak menghadapi hukuman penjara. Responden menegaskan bahawa tujuan perintah tersebut kerana untuk memantau pesalah kes dadah. Inilah niat Parlimen untuk menggubal perintah pengawasan sedemikian supaya pemohon di dalam kes ini mendapat kebajikan dan demi keselamatan pemohon supaya tidak terjebak dalam penyalahgunaan dadah lagi. Oleh itu, responden memohon supaya mahkamah ini mengguna pakai s. 327 Kanun Tatacara Jenayah yang mana mohon perintah ini dipinda dan bukannya diketepikan untuk menjadikannya boleh diguna pakai menurut undang-undang.

Undang-Undang Mengenai Penyemakan

[24] Bidang kuasa semakan yang diberikan kepada mahkamah ini adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s. 323 hingga s. 327 KTJ dan s. 31 dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Peruntukan-peruntukan tersebut di atas telah memberikan kuasa yang cukup luas bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan jenayah itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat serta sama ada teraturnya sesuatu prosiding mahkamah bawahan itu. Tujuan peruntukan-peruntukan ini telah dinyatakan dengan panjang lebar dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430 dan *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163. Dalam kes *Muhari*, Yang Arif Hakim KC Vohrah (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page):
>
> > The powers of the High Court in revision are amply provided under s. 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss. (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

Isu Fakta Kes Tidak Dibaca

[25] Apabila meneliti nota keterangan asal yang dibekalkan oleh Majistret berkenaan, saya dapati ia tidak menunjukkan bahawa fakta kes telah dibaca kepada tertuduh. Timbalan Pendakwa Raya hanya sekadar memaklumkan kepada Majistret bahawa fakta kes adalah secara lisan. Mahkamah ini bersetuju dengan saranan peguam pemohon bahawa tanpa pembacaan fakta kes kepada tertuduh, tiada elemen kesalahan diterangkan kepada tertuduh. Sebagaimana dipetik oleh peguam di dalam kes yang diputuskan oleh YA Augustine Paul dalam kes *Mohammad Hassan (supra)* telah membenarkan rayuan pemohon dengan merujuk kes *Nadeson v. PP* [1965] 1 LNS 123; [1966] 1 MLJ 63 dan telah memutuskan, antara lain:

> *A plea of guilty is recorded when the accused pleads guilty after the charge has been read and explained to him. The court accepts the plea when it is satisfied that the accused understands the nature and consequences of his plea. This will be done after the accused has admitted the facts* (see *PP v. Abdul Aziz* and *Lian Kian Boon v. PP*). The court is not bound to accept a plea of guilty in all cases. The

A accused is not to be taken at his word when he pleads guilty unless the plea is expressed in unmistakable terms with full appreciation of the essential ingredients of the offence. This rule of law is applied with all the greater stringency when the offence charged is complicated or serious (see *Heng Keng Khoon v. PP* and *Munandu v. PP* [1984] 2 MLJ 82 (HC)).

B Having considered the applicable law in the light of what appears in the record, I am satisfied that the accused pleaded guilty personally after he understood the charge which was read and explained to him. The record also shows that he understood the nature and consequences of his plea at that stage. However, the learned magistrate did not follow the prescribed procedure in sentencing the accused. Exhibit P2 is the written C statement of facts tendered by the prosecution. The law that I have adverted to makes it manifestly patent that the facts must be explained to the accused to enable the magistrate to satisfy himself that the accused intends to admit, without qualification, the offence alleged against him. *The record does not show that the facts were explained to the accused. As I mentioned in the early part of this judgment, there is also no certainty that the facts as contained* D *in exh P2 were admitted by the accused. These breaches violate s. 173(b) of the CPC. The record also does not disclose that the plea was accepted by the learned magistrate. This failure violates s. 173(m)(2) of the CPC. As I said earlier, a confession of guilt does not become a plea of guilty till it is accepted. It is a cardinal principle of law that a plea of guilty must be completely unreserved, unqualified and unequivocal (see PP v. Cheah Chooi Chuan [1972] 1 MLJ 215 (HC)). The breaches in this appeal* E *revolt against arriving at such a finding. It follows that the conviction and sentence of the accused cannot be sustained in law.* (tekanan ditambah)

[26] Oleh yang demikian berdasarkan nas-nas autoriti yang dirujuk di atas, jelas bahawa pengakuan salah oleh pemohon tidak boleh diterima memandangkan ianya adalah bertentangan dengan kehendak s. 173(b) KTJ. F Oleh itu, mahkamah ini bersetuju dengan saranan pemohon bahawa Majistret berkenaan seharusnya menolak pengakuan salah tersebut.

Terma Perintah Pengawasan Tidak Dimaklumkan

[27] Berdasarkan nota keterangan, saya dapati bahawa di dalam kes kita G sekarang ini walaupun jurubahasa telah memaklumkan perintah pengawasan tersebut kepada pemohon tetapi malangnya beliau tidak menerangkan terma-terma dan syarat-syarat yang akan dikenakan terhadap OKT dalam perintah pengawasan tersebut. Perintah tersebut tidak ada di dalam rekod prosiding bahawa peruntukan mandatori ini diterangkan kepada tertuduh. Mahkamah H ini amat bersetuju dengan dapatan dan keputusan YA VT Singam di dalam kes *Seah Ah Chiew v. PP* [2006] 8 CLJ 585; [2007] 1 MLJ 377 yang mempunyai keadaan fakta kes dan isu yang serupa dengan kita sekarang ini. Dipetik kata beliau di dalam kes tersebut:

I

[17] In the instant case, this court is of the view that the plea of guilty by the accused was not unreserved, unqualified, unequivocal and unconditional (see *Munandu v. Public Prosecutor* [1984] 2 MLJ 82) and the plea ought to have been rejected. At the point when the accused stated that she had consumed only beer and that she was a diabetic and receiving medical treatment, it should have been clear to the learned magistrate that the accused did not understand the nature of her plea, neither did she intend to admit without qualification the offence alleged against her. (See *Lau Eng Teck v, Public Prosecutor* [1965] 31 MLJ 34 at p. 35). *Further, it is also the duty of the learned magistrate to inform the accused at the time of recording the plea of guilty that upon conviction and the sentence to be imposed as provided by law, the accused has to also undergo a supervision with a Rehabilitation Officer or any police officer for a period not exceeding three years immediately after having undergone the punishment imposed upon her in respect of the offence as the supervision order under s. 38B of the Dangerous Drugs Act 1952 which is mandatory.* The learned magistrate must explain to the accused the full consequences of her plea of guilty especially when the accused was not represented by counsel at the material time. *Unfortunately, it is not shown in the record of proceedings that this mandatory provision was explained to the accused.* (See *Petrus a/k Belaka v. Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 894 at pp 895 896). (tekanan ditambah)

[28] YA Hakim Mahkamah Tinggi di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra)* tersebut telah mengetepikan sabitan, hukuman serta perintah pengawasan terhadap pemohon. Antara alasan yang diberikan oleh YA Hakim berkenaaan adalah:

(i) Bahawa pemohon tidak diterangkan terma-terma dan syarat-syarat tentang perintah pengawasan ketika mengaku salah dan ketika menerima perintah tersebut;

(ii) Pemohon tidak diterangkan sifat dan akibat sekiranya gagal mematuhi terma-terma di dalam perintah pengawasan;

(iii) Terdapat kecacatan dalam perintah tersebut di mana tarikh permulaan dan tarikh akhir perintah tidak dinyatakan;

(iv) Terdapat kecacatan dalam butiran pemohon iaitu nama dan kad pengenalannya di dalam perintah pengawasan.

[29] Meneliti nota prosiding dalam kes ini, saya bersetuju dengan pengataan peguam bahawa keadaan yang sama telah berlaku di dalam kes kita sekarang ini yang mana Majistret tidak pernah menerangkan kepada pemohon bahawa selain daripada hukuman di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, pemohon turut dikehendaki menjalani perintah pengawasan dan syarat-syaratnya.

[30] Adalah juga tugas Majistret untuk memberitahu tertuduh pada masa pengakuannya direkodkan bahawa setelah disabitkan dan penghukuman yang akan dikenakan seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang, tertuduh juga terpaksa menjalani pengawasan dengan seorang pegawai pemulihan atau sebarang pegawai polis tidak melebihi jangka masa tiga tahun selepas sahaja dia menjalankan hukuman yang diberikan kepadanya berhubung dengan tuduhan tersebut oleh kerana perintah pengawasan di bawah s. 38B Akta 1952 adalah mandatori. Majistret yang bijaksana mesti menerangkan kepada tertuduh akibat sepenuhnya pengakuan salahnya walaupun sekali apabila tertuduh diwakili oleh peguam bela pada masa yang material tersebut. Tertuduh hendaklah diberitahu sifat dan akibat sekiranya dia gagal mematuhi perintah tersebut. Dan ini tidak dilakukan semasa prosiding tersebut.

Tempat Melapor Tambahan Dalam Perintah Pengawasan

[31] Di bawah s. 38B(1) Akta 1952 adalah mandatori bagi tertuduh untuk menjalani pengawasan dengan seorang pegawai pemulihan atau sebarang pegawai polis tidak melebihi jangka masa tiga tahun selepas sahaja dia menjalankan hukuman yang diberikan kepadanya berhubungan dengan tuduhan tersebut. Akan tetapi, dari rekod prosiding daripada Mahkamah Majistret menunjukkan bahawa Majistret telah mengeluarkan perintah pengawasan melalui Borang 3 bertarikh 12 Oktober 2017 dengan catitan "hendaklah melapor diri di Balai Polis Bukit Indah dan AADK Johor Bahru satu bulan sekali". Sedangkan s. 38B(1) Akta ini hanya memberi kuasa kepada Majistret untuk mengeluarkan perintah tersebut supaya melaporkan diri kepada pegawai AADK atau balai polis dan bukan kedua-duanya. Ini kerana Borang 3 adalah borang statutori dari Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001 yang mana kehendak borang ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

[32] Saya bersetuju dengan pandangan YA Hakim di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra)* yang mengatakan ketinggalan dan kesilapan di dalam perintah pengawasan itu bukan suatu kecacatan teknikal atau ketinggalan yang tidak disengajakan. Ini kerana ia akan memberi kesan pokok pada perintah tersebut dan sudah semestinya akan memprejudiskan pemohon. YA Hakim di dalam kes tersebut memutuskan:

> [35] This court wishes to make it clear that the flaws and errors found in the supervision order issued by the learned magistrate is not a technical defect or accidental omission but it affects the substance itself and the risk of prejudice to the accused cannot be ruled out. Therefore, this court cannot just brush aside the complaint as a mere technical but to find it as an invalid order which is not enforceable. The supervision order issued by the learned magistrate is a complete deviation and contrary to the statutory form explicitly provided by law and there is no excuse for the

non-compliance and where strict compliance is not observed in the matter which affects the liberty of the accused, the accused is entitle to avail herself even if it is classified as technical defect but nevertheless it invalidates the supervision order dated 1 August 2005 issued by the learned magistrate which certainly has bearing on her liberty. *The learned magistrate cannot therefore write into the supervision order which she had issued what the legislature did not write into the statutory order pursuant to the Statutory Form 3 Dangerous Drugs (Forms) Regulations 2001* and this court cannot presently extend time and reissue the supervision order and neither can the learned magistrate extend or reduce the period which must start immediately upon the release of the accused after she had undergone the punishment on 3 August 2005 which was imposed upon her in respect of the offence.

[33] Fakta kes di dalam kes kita sekarang ini adalah lebih kurang sama dengan kes *Muhammad Atam Abdul Wahab v. Minister of Home Affairs & Anor* [2000] 8 CLJ 402; [2001] 1 MLJ 208 berkenaan perintah pengawasan yang cacat yang mana spesifikasi perintah tersebut tidak mengikuti format perundangan yang diperuntukkan dalam Borang 3 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1983. Disebabkan perintah Majistret tersebut tidak menepati format perundangan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Borang 3, mahkamah telah membenarkan permohonan pemohon.

[34] Dengan terma tambahan di dalam perintah pengawasan tersebut, sudah tentu akan memprejudiskan kerana pemohon akan hadapi kesukaran sekiranya dia gagal melaporkan diri ke balai polis berkenaan pada hari yang sama sedangkan dia telah melaporkan diri ke AADK pada hari tersebut. Kekeliruan pasti timbul kerana persoalannya di mana dia patut kena melapor; kepada pihak polis atau AADK. Di dalam kes *Muhammad Atam Abdul Wahab*, YA Hakim memutuskan:

To pursue the matter further, I could appreciate the dire predicament the applicant would find himself under after his release, in the event that he fails to report to the correct person primarily to fulfill the second part of the order. Is he to report to a rehabilitation officer, a police officer, a provost officer or a commanding officer of some unknown unit in the armed forces? Any reasonable person could well imagine his confusion or dilemma due to the shortcomings of the order.

[35] Mahkamah ini sehaluan pandangan dengan YA Suriyadi di dalam kes di atas yang turut memutuskan bahawa ketika seseorang Majistret itu memberikan sesuatu perintah, Majistret tersebut hendaklah menggunakan mindanya berhubung perkara pengawasan.

This court order, by analogy, is no different from a detention order issued by a minister against anyone, eg pursuant to the Internal Security Act 1960. The minister, before signing the order, is expected to adhere to certain practices and standards, *inter alia*, to appreciate and apply his mind to the matter before taking the draconian step of confining a person

A without due process. *Similarly, the magistrate is expected to consciously apply his mind to the matter, instead of robotically and in a cavalier manner just sign away the impugn order* (*Mok Han Liang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1996] 5 MLJ 74; *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Application* [1993] 3 MLJ 673). To wind up the matter, suffice if I refer to the case of *Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home* B *Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245, where Lee Hun Hoe CJ Borneo at p 251 said:

Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is C concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty. (tekanan ditambah)

[36] Dengan alasan-alasan di atas, maka perintah pengawasan tersebut adalah salah dan cacat dari segi undang-undang kerana terdapat kekaburan D yang nyata dan tidak mematuhi kehendak Borang 3 tersebut. Dengan menambahkan syarat tambahan untuk melapor diri ke AADK Johor Bahru serta pemohon juga dikehendaki melapor diri di tempat lain iaitu Balai Polis Bukit Indah, ia sememangnya akan memprejudiskan pemohon. Oleh itu, perintah pengawasan ini adalah tidak boleh dikuatkuasakan kerana terdapat E kekaburan di dalam perintah tersebut.

Perintah Pengawasan Tanpa Tarikh Permulaan Dan Tarikh Akhir Pengawasan

[37] Selain kecacatan perintah pengawasan yang dinyatakan di atas, pemohon juga membangkitkan bahawa terdapat juga kecacatan lain yang nyata di dalam perintah tersebut. Perintah pengawasan hendaklah F mengandungi tarikh-tarikh, iaitu tarikh bermula dan tarikh berakhir pengawasan tersebut. Akan tetapi tarikh-tarikh tersebut tidak langsung dinyatakan di dalam perintah pengawasan tersebut.

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan saranan peguam bela bahawa perintah G pengawasan tersebut cacat, ini kerana pertamanya, syarat-syarat yang terkandung di dalam perintah pengawasan tersebut mempunyai efek tahanan terhadap seseorang pesalah yang mana secara langsungnya akan mengehadkan kebebasannya. Keduanya, perintah pengawasan yang tidak mengandungi tarikh-tarikh untuk jangka masa dua tahun akan menyebabkan kesusahan praktikal terhadap pegawai yang melaksanakan perintah tersebut H dan untuk tertuduh menurutinya. Dan ketiganya, perintah pengawasan sedemikian ia terbuka untuk dipersoalkan, dicabar dengan beberapa tafsiran. Kesemua butir-butir yang dihendaki hendaklah terkandung di dalam Borang 3. Malangnya berdasarkan rekod prosiding didapati borang tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Majistret berkenaan.

I

[39] Perintah pengawasan yang dikeluarkan di bawah s. 38B(1) Akta 1952 tersebut adalah perintah mandatori dan merupakan perintah sampingan apabila tertuduh didapati bersalah atas kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta 1952 tersebut. Perintah pengawasan yang dikeluarkan mengikuti Borang 3 statutori di bawah s. 6(1)(b) Akta 1983 tersebut adalah tidak bernilai oleh kerana ia tidak mengandungi maklumat yang betul, tepat dan pasti tetapi ia membekalkan tertuduh dengan maklumat yang salah.

[40] Sekiranya sesuatu perintah yang menyekat kebebasaan seseorang, ini termasuklah perintah pengawasan seperti di dalam kes kita sekarang ini dibuat tanpa mematuhi prosedur yang ditetapkan, perintah sedemikian adalah cacat, tidak sah dan tidak berkuat kuasa. Ini dapat dilihat di dalam kes yang dipetik oleh peguam, *Muhammad Atam Abdul Wahab v. Minister of Home Affairs & Anor* [2000] 8 CLJ 402 apabila Mahkamah Tinggi memutuskan di hlm. 410:

> As the detention was not in accordance with the procedure established by the law that it was founded on a defective order, the applicant thus was entitled to his freedom.

[41] Di hlm. 408, mahkamah seterusnya memutuskan:

> It is established law that it is incumbent on the detaining authority, in this case the Respondent to prove that the order is *ex facie* regular (*Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1969] 1 LNS 65).

[42] Di dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129; [1976] 2 MLJ 245 apabila Lee Hun Hoe Hakim Besar (Borneo) berkata di hlm. 251:

> Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where the personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty.

[43] Adalah penting untuk menyatakan dan ditekan di sini bahawa adalah merupakan kewajipan Majistret yang mengeluarkan perintah pengawasan sedemikian untuk bertindak dengan ketelitian yang tinggi dan tepat dan dengan minda kehakiman supaya ia dapat memberikan seseorang yang diperintahkan menjalani pengawasan di bawah s. 38B(1) Akta 1952 tersebut mendapat haknya yang dia berhak terutama sekali apabila perintah tersebut adalah sesuatu yang menjejaskan kebebasannya.

[44] Mahkamah ini sehaluan pandangan dengan dapatan YA Hakim di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra)* yang memutuskan perintah pengawasan sedemikian akan menjejaskan kebebasan seseorang individu. Sebelum sesuatu perintah pengawasan dikeluarkan, seseorang Majistret itu perlu

mempertimbangkan secara berhati-hati dan memastikan butir-butir di dalam perintah adalah mengikut undang-undang dan tepat. Adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa sekiranya sesuatu perintah yang melibatkan kebebasan seseorang individu telah dibuat tidak mematuhi prosedur atau format perundangan yang ditetapkan, maka perintah tersebut adalah cacat, tidak sah dan tidak berkuat kuasa. Ini dapat dilihat dalam kes yang sama, YA VT Singham telah memutuskan, antara lain:

> The supervision order is something affecting the liberty of the accused and there ought to be careful consideration before an order depriving liberty is made and the accused expects utmost care and accuracy on the part of those who issue orders which affects the liberty of an accused. In other words once the supervision order which was issued is not in compliance with the mandatory statutory requirement, it cannot be denied that there is a risk of prejudice to the accused.

[45] Adalah juga penting bahawa tertuduh berhak mengetahui dari awal lagi dan ketika perintah pengawasan diberikan selepas sabitan di bawah s. 15(1)(a) Akta 1952 tersebut terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan terhadapnya secara terperinci yang terkandung di dalam perintah pengawasan tersebut kerana ini akan menjejaskan kebebasannya.

Nombor Kad Pengenalan Silap

[46] Selain kecacatan di atas, peguam bela juga membangkitkan isu bahawa no. kad pengenalan pemohon di dalam perintah pengawasan tersebut serta dalam kertas pertuduhan dan laporan polis turut salah. No kad pengenalan pemohon adalah "770912-01-6779" dan bukannya "770912-01-6776" sebagaimana dinyatakan dalam perintah pengawasan tersebut, kertas pertuduhan serta laporan polis.

[47] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam bahawa kesilapan sedemikian adalah parah, ini kerana menimbulkan keraguan dan tidak boleh dikuatkuasakan. Perintah pengawasan seperti ini adalah salah di sisi undang-undang. Ini telah jelas diputuskan di dalam kes *Seah Ah Chiew (supra):*

> [36] There is also another glaring unsatisfactory feature in the instant case which learned counsel for the accused had raised and complained to this court. The name of the accused in the charge sheet which has been typed states Chew Beng Lay and the Identity Card number as 631109-08-5564 which does not belong to the accused but however the said name and Identity Card number has been deleted by pen and written as Seah Ah Chiew and the Identity Card number as 501205-08-5032 without any initial and the date of the deletion. The number of the police report which was typed as Pekan Baru Repot 3477/2005 has also been altered and handwritten to read 3474 without any initial or the date. There is no record to show when this deletions were done, was it done before the charge was read to the accused or after the conviction was recorded or

after the sentence was passed or after this court had called for the record of proceedings to be forwarded to this court upon a complaint made on behalf of the accused and all this errors and deletion cast doubt on the performance of the judicial officer.

[48] Dengan alasan-alasan dihuraikan di atas, maka mahkamah ini terpaksa campur tangan dan mengetepikan sabitan, penghukuman dan perintah pengawasan tersebut dalam melaksanakan kuasa-kuasa semakannya yang diberikan kepada mahkamah ini. Sabitan terhadap tertuduh dibatalkan, hukuman yang diberikan oleh Majistret yang bijaksana diketepikan dan denda yang dibayar dikembalikan kepada tertuduh dan perintah pengawasan bertarikh 12 Mac 2017 juga diketepikan dan dibatalkan. Setelah menimbangkan hal keadaan dalam kes ini, di mana terdapat beberapa perkara yang tidak memuaskan, terutama kecacatan terhadap prosiding dan perintah pengawasan yang tidak menurut kehendak undang-undang, maka perintah perbicaraan semula adalah tidak adil kepada OKT. Oleh itu, saya tidak memerintahkan satu perbicaraan semula diadakan di dalam kes ini.